

# 10 tukun tiruan halang bot pukat tunda

Tukun simen bernilai RM325,000 dilabuhkan pada kedalaman 15 meter

Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

Jabatan Perikanan Pahang telah melabuhkan 10 unit tukun tiruan jenis konkrit kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh sebagai salah satu usaha menambah kawasan pembiakan ikan di perairan negeri ini.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, tukun tiruan yang diperbuat daripada simen bernilai RM325,000 itu dilabuhkan pada kedalaman 15 meter dan 4.5 batu nautika dari kawasan pantai.

“Menurut kajian yang di-



Abdullah (tengah), Hamdan (kiri) dan Kamaruddin pada program melabuhkan 10 unit tukun tiruan jenis kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh pada Isnin.

lakukan, selepas enam bulan kawasan itu akan menjadi habitat baharu kepada pelbagai jenis ikan, tumbuhan karang dan hidupan marin lain.

“Malah tukun tiruan ini juga akan menjadi penghalang atau penyekat kepada aktiviti nelayan pukat tunda yang sebelum ini dilaporkan banyak

berlaku di perairan negeri ini,” katanya ketika ditemui selepas program melabuhkan 10 unit tukun tiruan konkrit kuboid juvenil di perairan Cherok Paloh pada Isnin.

Hadir sama Datuk Bandar Kuantan, Datuk Hamdan Hussin dan Pengurus Besar Tourism Pahang, Kamaruddin

Ibrahim.

Dalam pada itu, Abdullah turut menjelaskan tukun tiruan jenis itu bakal memberi faedah kepada lebih 2,058 nelayan tradisi berdaftar.

Beliau berkata, pihaknya yakin daerah ini akan terus menjadi destinasi pelancongan memancing di kawasan tukun tiruan dan dapat memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha bot memancing.

“Dalam tempoh 13 tahun, kita sudah melabuhkan 262 tukun tiruan konkrit di beberapa perairan di negeri ini seperti di perairan Cherating, Rompin, Pekan dan Pulau Tioman membabitkan peruntukan lebih RM4.4 juta.

“Pada 2007 sebanyak 60 tukun tiruan jenis rekreasi dilabuhkan di perairan negeri ini manakala tahun lalu 16 tukun jenis kuboid dilabuhkan di perairan Pekan dekat Kampung Nenasi,” katanya.